| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Hakim benarkan pelakon lucah tak pakai kondom** | | |
| Date | **25 Dec 2009** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Kosmo** | Page No | **50** |
| Section | **Dunia** | Article Size | **66 cm$^2$** |
| Journalist | **N/A** | Color | **Black/white** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **305** |
| Circ / Read | **108,796 / 406,000** | PRValue | **914** |


DUNIA
Salun gunting rambut percuma
Wilayah tengah AS dilanda ribut
Pengurus Liga Perdana Inggeris langgan pelacur
PM Jepun minta maaf
Hakim benarkan pelakon lucah tak pakai kondom

# Hakim benarkan pelakon lucah tak pakai kondom

**LOS ANGELES** – Seorang hakim di sini, David Yaffe kelmarin menolak permintaan sebuah badan kesedaran AIDS untuk mewajibkan setiap pelakon lucah memakai kondom semasa berada di set penggambaran, lapor sebuah akhbar semalam.

Dia menolak petisyen yang dikemukakan Yayasan Penjagaan Kesihatan AIDS yang mendakwa para pegawai kesihatan tempatan tidak melakukan sesuatu untuk mencegah penyakit jangkitan kelamin di kalangan penggiat industri hiburan pornografi.

Kumpulan itu menyaman pihak berkuasa pada Julai lalu selepas mendapat data yang menunjukkan lebih 3,700 kes penyakit tersebut direkodkan sepanjang lima tahun lalu oleh sebuah klinik yang merawat pelakon-pelakon lucah.

Yaffe dalam keputusan penolakan tuntutan itu berkata, pihak berwajib mempunyai budi bicara dalam mengendalikan pelbagai isu kesihatan awam namun kumpulan itu merancang membuat rayuan untuk menyemak semula keputusan tersebut. – AP